

Penerbitan Rasmi Syarikat Perumahan Negara Berhad

SPNB 360



Edisi 1 | Jan-Jun 2014

Untuk Edaran Dalam



PERUMAHAN UNTUK SEMUA

Mewujudkan Kediaman Unggul Untuk Rakyat

- 
- 03 AMANAT PRESIDEN**
 - 04 MINDA PENGARANG**
 - 05 SOROTAN ACARA**
 - 10 SEGMENT**
Menerajui Perumahan Rakyat
 - 14 FOKUS**
Pemaju Komersil SPNB
 - 16 PAPARAN UTAMA**
Setia Sehaluan Sepakat Sepasukan
 - 20 TESTIMONI**
Impian Tercapai
 - 22 PANDANGAN**
Sorotan Usahasama SPNB-LTAT

SIDANG EDITOR

Diterbitkan

Bahagian Komunikasi Korporat Syarikat Perumahan Negara Berhad
Tingkat 8, Wisma Perkeso, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 1300-80-3838 Faks : +603-2681 0170

Penerbitan dan Konsep

AMG Holdings International Sdn. Bhd. (356247 - V)
10-3A, Jalan PJU 8/3, Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +603-7729 4886 Fax: +603-7729 4887

Dicetak

Percetakan Skyline Sdn. Bhd. (135134 - V)
35 & 36, Jalan 12/32B, Jalan Kepong, 52100 Kuala Lumpur, Malaysia

Syabas saya ucapkan di atas kelahiran edisi pertama buletin SPNB iaitu **SPNB 360°** pada tahun ini! Bermatlamat untuk menjadi medium penyampaian maklumat dan mengukuhkan persahabatan dengan masyarakat termasuk warga kerja SPNB, selain menukulkan dengan sebenarnya perkembangan projek-projek di bawah SPNB, saya percaya sekeping gambar menceritakan segalanya bak kata peribahasa Inggeris, *a picture is worth a thousand words*.

Di samping berkongsi cerita akan peristiwa-peristiwa penting, ia juga memberi peluang antara syarikat induk dan anak-anak syarikat untuk mengetahui apa yang berlaku dalam syarikat. Contohnya, baru-baru ini kita telah dianugerahkan *International Corporate Award* dalam bidang hartanah, dan terdapat banyak projek kita yang telah pun siap, antaranya Projek RMM Vista Minintod dan Projek Taman Permai Utama Fasa 1. Semua ini adalah kejayaan yang mesti kita ceritakan pada semua.

Walaupun kita sebuah syarikat milik kerajaan, tetapi SPNB ini juga bukanlah sebuah syarikat yang bergantung sepenuhnya kepada kerajaan. Sekalipun fungsi SPNB dan anak-anak syarikatnya adalah berasingan, tetapi saling berkongsi dan melengkapi antara satu sama lain. Kesatuan dalam kalangan warga kerja serta anak-anak syarikat SPNB mendokong tunjang utama pengurusan adalah sesuatu yang perlu ditekankan.

Oleh itu, kita memilih nama buletin **SPNB 360°** kerana kita mengharapkan penyampaian yang menyeluruh, tepat dan memberi gambaran sebenar tentang SPNB. Ini wajar supaya kita tidak sekadar menumpukan pada peristiwa semata-mata seperti buletin-buletin terdahulu.

Ramai juga yang masih tidak mengenali SPNB, kalau ada pun persepsi itu pasti tertumpu pada peranan kita sebagai pemaju rumah untuk golongan miskin, sedangkan realitinya kita adalah lebih daripada itu. SPNB sedang melalui transformasi perniagaan dan penstrukturan semula di mana kita mengharapkan agar perubahan yang berlaku kekal relevan dengan arus transformasi masa kini dan menepati citarasa rakyat!

YBhg Dato' Dr Sr Kamarul Rashdan Salleh
Presiden/Pengarah Urusan SPNB



“Bagi saya, adalah penting untuk kita senantiasa berpandukan empat teras utama ini, iaitu *The Four Ps*: *property* (hartanah), *project* (projek), *people* (masyarakat), dan *process* (proses).”



“Ini merupakan edisi sulung SPNB pada tahun 2014, dan kami berasa sangat gembira untuk mempersembahkan SPNB 360° kepada seluruh warga kerja SPNB!”

Kemunculan **SPNB 360°** sebagai *newsletter* bagi santapan warga kerja SPNB, bermatlamat untuk membuktikan betapa seriusnya SPNB dalam mencapai misi sebagai peneraju kediaman mampu milik berkualiti yang mampan serta menjadi pemaju yang prihatin terhadap tanggungjawab sosial di Malaysia.

Diharapkan dengan pendekatan baru ini, di mana terdapatnya perubahan luar biasa dalam *newsletter* kali ini, SPNB akan berjaya membentuk imej baru serta meneguhkan lagi kepercayaan warga kerja dan pihak-pihak berkepentingan, tentang betapa tekadnya SPNB dalam meneruskan legasi, sejajar dengan visi kami untuk menjadi pilihan pertama rakyat dalam membangunkan rumah mampu milik yang berkualiti. Kami juga ingin warga kerja SPNB mengimbuai sorotan-sorotan penting separuh pertama tahun 2014, dan usaha-usaha yang telah mereka lakukan untuk SPNB, kerana sememangnya sumbangan warga kerja SPNB yang telah bertungkus lumus selama ini, tidak terkira nilainya.

Selain itu, kita sering melihat, lambakan bahan bacaan yang lebih tertumpu kepada rumah-rumah bercirikan *high-end* di kawasan-kawasan perumahan mewah. Rentetan daripada itu, kami ingin mengubah persepsi masyarakat dengan mencetuskan konsep rumah mampu milik yang melahirkan ciri-ciri moden dan bertaraf tinggi. *Modern but affordable*. Maka, diharapkan dengan idea-idea yang terkandung dalam **SPNB 360°** ini, ianya menjadi inspirasi kepada para pembaca untuk merealisasikan konsep rumah impian mereka yang diidamkan selama ini. Bagi edisi masa hadapan pula, selain dari apa yang kita ada pada isu kali ini, para pembaca juga boleh menjangkakan tips-tips *Do-It-Yourself* (DIY) berkaitan rumah, ringkas dan mudah!

Berbeza dengan *newsletter* terdahulu, **SPNB 360°** telah dijenamakan supaya tampil lebih moden, *fresh* dan lebih menepati citarasa serta trend terkini. Bukan itu sahaja, SPNB sendiri telah mengalami perubahan dalam syarikat dengan penstrukturan semula SPNB, di mana terdapatnya anak-anak syarikat baru di bawah SPNB iaitu SPNB ASPIRASI, SPNB IDAMAN, SPNB MESRA, SPNB DANA dan SPNB EDAR. Oleh itu, saya mewakili seluruh pihak pengurusan SPNB dan bahagian Komunikasi Korporat, ingin mengucapkan selamat datang kepada anak-anak syarikat ini, dan kami berharap agar segala kerjasama yang telah kita kecapai selama ini, akan berterusan agar kita sama-sama dapat melangkah ke arah yang lebih produktif, maju dan bersatu.

“Kerana Rakyat”.

**YBhg Dato' Nurulhidayah Binti
Dato' Seri Dr Ahmad Zahid**
Ketua Bahagian Komunikasi Korporat

Penyerahan Kunci

Bertempat di Dewan Serbaguna Tapak Projek Vista Minintod, Sabah, Majlis Penyerahan Kunci Rumah Bagi Projek Perumahan Mampu Milik (RMM) Apartmen Vista Minintod telah diadakan pada 8 Januari 2014. Majlis tersebut yang disempurnakan oleh Pengerusi SPNB YB Datuk Dr Abd Latiff Ahmad turut disaksikan oleh Pembantu Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan Sabah YB Datuk Zakaria Bin Idris dan Presiden SPNB YBhg Dato' Dr Sr Kamarul Rashdan Salleh. Projek RMM Vista Minintod mempunyai 1,174 unit merangkumi pangsapuri kos sederhana empat tingkat dan pangsapuri kos sederhana rendah tiga tingkat.



Antara barisan tertinggi SPNB yang bakal menyerahkan kunci rumah kepada para pemilik rumah. Dari kiri ialah Pengerusi SPNB YB Datuk Dr Abd Latiff Ahmad dan Presiden SPNB YBhg Dato' Dr Sr Kamarul Rashdan Salleh.



Program Rumah Idaman Rakyat Diperkenalkan

Disempurnakan oleh YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri merangkap Ahli Parlimen Bagan Datoh, Majlis Ramah Mesra Rakyat SPNB Bersama Warga Bagan Datoh, Perak yang diadakan pada 24 Januari merupakan simbolik pelancaran program Rumah Idaman Rakyat (RIR) di negeri Perak. Program RIR adalah inisiatif kerajaan untuk memberi peluang kepada golongan rakyat yang berpendapatan sederhana memiliki rumah. Seramai 549 pemohon Rumah Mesra Rakyat (RMR) turut menerima Surat Tawaran Rumah Mesra Rakyat manakala 47 pemohon menerima kunci rumah pada majlis ini.

Sesi gimik pelancaran program Rumah Idaman Rakyat (RIR) di negeri Perak oleh Menteri Dalam Negeri YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Presiden SPNB YBhg Dato' Dr Sr Kamarul Rashdan Salleh.

Majlis Pecah Tanah di RPT Kampung Balun

Sebagai salah satu daripada lima tapak projek untuk pembangunan projek Rumah Mesra Rakyat (RMR1M), kawasan RPT Kampung Balun di Slim River, Perak telah dipilih sebagai tempat pecah tanah pada 2 Februari yang lalu. Timbalan Menteri Kewangan YB Datuk Ahmad Maslan telah merasmikan Majlis Pecah Tanah ini yang merupakan simbolik kepada pembinaan projek RMR1M berkelompok.

Antara tetamu dan orang ramai yang hadir ketika Majlis Pecah Tanah di RPT Kg Balun, Slim River, Perak.





Penantian Berakhir

Pada 13 Februari yang lalu, Majlis Serah Kunci Fasa 1 & Pendaftaran Pembelian Fasa 2 Projek Taman Permai Utama telah berlangsung di Gurun, Kedah dan dirasmikan oleh Menteri Besar Kedah YAB Dato' Seri Mukhriz bin Tun Mahathir. Majlis ini menyaksikan penyerahan kunci rumah kepada para pemilik di Taman Permai Utama Fasa 1. Sejak pengenalan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) pada tahun 2002, sebanyak 7,411 permohonan telah diterima oleh SPNB.

Menteri Besar Kedah, YAB Dato' Seri Mukhriz bin Tun Mahathir menyampaikan ucapan perasmian ketika berlangsungnya Majlis Serah Kunci.

Melahirkan Kesedaran

Bagi memperkenalkan projek perumahan SPNB yang telah dan bakal dibangunkan di negeri Selangor, Majlis Taklimat Rumah Mesra Rakyat dan Penyerahan Kunci Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia telah diadakan di Jalan Cheras, Kajang pada 18 Mac. Majlis tersebut dirasmikan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan YB Datuk Abdul Rahman Dahlan dan turut dihadiri oleh Menteri Kewangan II YB Datuk Ahmad Maslan serta wakil calon rakyat Barisan Nasional yang bertanding bagi ADUN kawasan Kajang. Acara ini turut bertujuan untuk mengeratkan hubungan kerajaan, SPNB dan rakyat bersempena dengan pilihan raya kecil pada 23 Mac 2014.

Menteri Kewangan II YB Datuk Ahmad Maslan bersama para pemilik kunci rumah yang girang selepas menerima replika kunci rumah masing-masing.



Memupuk Kerjasama

Dari 22-23 Februari, warga kerja SPNB yang terpilih telah dihantar ke Sungai Lui, Hulu Langat, untuk menyertai Kursus Program Team Building (Leadership Team Building) Siri 1. Program ini khusus untuk meningkatkan motivasi dan semangat kerja berpasukan dalam kalangan kakitangan SPNB. Selain itu, kursus ini bertujuan untuk menggalakkan perpaduan dan mewujudkan keharmonian di antara kakitangan SPNB, tanpa mengira bahagian atau cawangan.

Upacara pembukaan acara dihadiri oleh Presiden SPNB YBhg Dato' Dr Sr Kamarul Rashdan Salleh dan Timbalan Presiden Bahagian Komunikasi Korporat Encik Rohaizan Kambol. Sementara itu, antara aktiviti-aktiviti yang diadakan ialah ceramah, *management simulation games* dan kegiatan luar seperti *flying fox*, *wall climbing* dan *jungle trekking*.



Menunaikan Tanggungjawab

Tarikh 18 April 2014 merupakan detik yang bermakna bagi Encik Zulkifli Yahya, yang merupakan mangsa kebakaran di Kampung Gugup Slim Village, Slim River, apabila beliau menerima kunci rumah baharu beliau melalui Skim Amal Jariah SPNB. Majlis Kunci Rumah Amal Jariah di Slim River, Perak ini disempurnakan oleh Presiden SPNB YBhg Dato' Dr Sr Kamarul Rashdan Salleh.

Bagi memenuhi tanggungjawab sosial korporat mereka, SPNB membiayai sepenuhnya rumah di bawah skim ini, khusus untuk golongan yang kurang bernasib baik.



Kekal Prihatin

Dirasmikan oleh Menteri Dalam Negeri YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Majlis SPNB Bersama Pemimpin Tempatan Teluk Intan telah berlangsung di Kampung Durian Sebatang pada 26 Mei. Dalam majlis tersebut, pemimpin tempatan Teluk Intan diberi penerangan mengenai beberapa projek perumahan SPNB yang sedang dibangunkan dan yang bakal dilaksanakan.

Di samping itu, majlis tersebut turut menyaksikan penyampaian surat tawaran dan kunci Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia kepada beberapa penduduk kampung yang merupakan mangsa kebakaran yang berlaku pada tahun 2011.

Menteri Dalam Negeri YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyampaikan replika kunci rumah kepada para pemilik ketika berlangsungnya Majlis SPNB Bersama Pemimpin Tempatan Teluk Intan, Perak.





Penerimaan Anugerah

Ia adalah suatu saat yang sangat membanggakan bagi syarikat apabila SPNB diumumkan sebagai pemenang International Corporate Award (ICA) dalam bidang perniagaan Pembangunan Hartanah pada 19 April yang lepas.

Bertempat di Dorsett Hotel, Subang, Majlis International Corporate Award tersebut juga telah menerima kehadiran DYMM Sultanah Pahang Sultanah Hajjah Kalsom sebagai tetamu kehormat. Antara anugerah-anugerah lain yang disampaikan ialah *International Achiever*, *International Brand*, *International Client Choice* dan *International Product and Service*.

Para penerima anugerah "International Corporate Award" bersama Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang Sultanah Hajjah Kalsom.

Xplore Hunt UMNO 2014

Program 'Xplore Hunt UMNO 2014' anjuran pihak Ibu Pejabat UMNO KL dengan kerjasama SPNB, yang bermatlamat untuk mengeratkan hubungan silaturrahim bersama peserta-peserta daripada pelbagai agensi media tempatan, telah menyaksikan penyertaan 116 orang peserta daripada pelbagai pertubuhan media.

Berkonsepkan pencarian harta karun ala-ala 'explorace', program tiga-hari ini memerlukan para peserta untuk melepasi 17 *checkpoint* dalam perjalanan menuju ke Johor Bahru dari Dataran Putra Pusat Dagangan Dunia Putra.

Para peserta 'Xplore Hunt UMNO 2014' berusaha mencari petunjuk secara sedaya upaya di salah satu *checkpoint* untuk tiba ke garisan akhir.





Dari kiri: Ahli Lembaga Pengarah SPNB YBhg Datuk Seri Ahmad Haji Kabit, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia YB Datuk Haji Ahmad Haji Maslan, Presiden SPNB YBhg Dato' Dr Sr Kamarul Rashdan Salleh dan Ahli Lembaga Pengarah SPNB YBhg Dato' Dr Mohd Padzil Hashim sedang berucap dengan pihak media semasa Majlis Pecah Tanah di satu tapak pembangunan projek Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia di Kampung Balun, Slim River, Perak.

MENERAJUI PERUMAHAN RAKYAT SPNB

Sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (Mof Inc.), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) ditubuhkan pada 21 Ogos 1997 demi memastikan penyediaan rumah mampu milik berkualiti dan mampan kepada setiap keluarga di Malaysia sejajar dengan Objektif Perumahan Negara.

Diterajui oleh Pengerusinya YB Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad dan Presiden YBhg Dato' Dr Sr Kamarul Rashdan Salleh serta 12 orang Ahli Lembaga Pengarahnya, SPNB

dipertanggungjawabkan untuk membina rumah yang mampu dimiliki dan selesai untuk didiami melalui beberapa program seperti Program Rumah Mampu Milik (RMM) dan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR). Di bawah SPNB, terdapat beberapa subsidiari iaitu SPNB Aspirasi, SPNB Idaman, SPNB Mesra, SPNB Edar dan SPNB Dana. Setiap subsidiari ini mempunyai peranan masing-masing, dalam mencapai matlamat penubuhan SPNB secara keseluruhannya.

Visi

Menjadi pilihan pertama rakyat dalam membangunkan rumah mampu milik yang berkualiti.

Misi

Kami berhasrat melaksanakan pembangunan perumahan mampu milik berkualiti yang mampan serta menepati kepuasan pelanggan melalui budaya kerja cemerlang serta menjadi pemaju yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap tanggungjawab sosial.

Rumah Mampu Milik (RMM)

- Berkonsepkan rumah mesra keluarga, rumah-rumah yang dibina ialah kediaman tiga bilik tidur dan berkos rendah, sederhana rendah ataupun sederhana.

Rumah Mesra Rakyat (RMR)


- Khusus untuk membantu golongan berpendapatan rendah yang tidak mempunyai rumah atau rumahnya usang dan daif, tetapi memiliki tanah.

Program Perumahan Khas

- Penglibatan SPNB secara langsung untuk membina rumah bagi mangsa-mangsa bencana alam seperti tsunami, banjir dan kebakaran.

Program Kwarters Kerajaan

- Pembinaan kuarters kerajaan untuk pelbagai agensi dan badan kerajaan melalui Syarikat Usahasama SPNB-LTAT Sdn. Bhd. (USL)



Rumah Idaman Rakyat (RIR)

- Mensasarkan golongan berpendapatan sederhana, iaitu di bawah RM7,500 sebulan.

- Inisiatif kerajaan bagi mengatasi masalah yang menghimpit golongan pertengahan, di mana mereka tidak layak untuk memiliki rumah kos rendah dan pada masa yang sama tidak mampu memiliki kediaman mewah.

Tabung Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai (TPPPT)

- SPNB telah dilantik sebagai agen pelaksana bagi projek TPPPT.

- Berperanan memantau dan memulihkan projek-projek perumahan terbengkalai yang dikenal pasti oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sumber: Syarikat Perumahan Negara Berhad, SPNB

PERANAN ANAK-ANAK



SYARIKAT SPNB



SPNB Aspirasi Sdn Bhd

Pemaju komersil merangkumi rumah mampu dimiliki serta projek-projek berdaya maju melalui pelaksanaan pembangunan yang berkualiti, inovatif dan menepati kehendak dan keperluan pelanggan.



SPNB Idaman Sdn Bhd

Pelaksana pembangunan Rumah Idaman Rakyat (RIR) secara konsep bercampur, di atas tanah yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan atau agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, dengan harga jualan rumah tidak melebihi RM250,000 seunit dan harga jualan kedai tidak melebihi RM1,000,000 seunit.



SPNB Mesra Sdn Bhd

Penyedia Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M) melalui pembinaan kediaman bagi pemohon di atas tanah pemohon sendiri bagi membantu golongan berpendapatan rendah, tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah yang usang dan daif, tetapi memiliki tanah sendiri. Bermula tahun 2014, SPNB Mesra Sdn Bhd memperkenalkan program RMR Plus bagi memenuhi kehendak golongan sasaran yang ingin memiliki rumah di atas tanah sendiri pada harga yang berpatutan.



SPNB Dana Sdn Bhd

Pengurus kutipan bagi pemohon Rumah Mesra Rakyat (RMR) serta memberikan pembiayaan kepada pemohon RMR yang berpotensi, termasuklah produk-produk seperti Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M), Rumah Mesra Rakyat Plus, Rumah Aspirasi Rakyat dan Rumah Idaman Rakyat. SPNB Dana Sdn Bhd turut membantu SPNB mendapatkan pembiayaan bagi pembangunan projek perumahan.



SPNB Edar Sdn Bhd

Pengedar bahan binaan bagi projek-projek perumahan dan komersil.

PEMAJU KOMERSIL SPNB

SPNB Aspirasi

Selari dengan penstrukturan semula dan penubuhan subsidiari-subsiari SPNB pada awal tahun ini, **SPNB 360^o** memaparkan salah satu anak syarikat yang telah ditubuhkan, iaitu **ASPIRASI**. Ikuti temubual SPNB 360^o bersama YBhg Datuk Ahmad Azizi Ali, Ketua Pegawai Eksekutif SPNB Aspirasi untuk lebih mengenali anak syarikat ini.

Dahulunya dikenali sebagai Jenama Ratna, anak syarikat ini telah dijenamakan semula sebagai SPNB ASPIRASI pada 2 Mei 2014. Tetap mempunyai visi yang sama; iaitu mewujudkan komuniti yang mampan, seimbang serta inklusif dan kediaman berkualiti serta mampu dimiliki, SPNB ASPIRASI yang memfokuskan kepada projek-projek berdaya saing dan membawa keuntungan, setara dengan pemaju swasta yang lain, berperanan sebagai pemaju komersil untuk SPNB.

Terdiri daripada 120 kakitangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan, ASPIRASI dipengerusikan oleh Encik Ahri Hashim dan diterajui oleh



“SPNB Aspirasi menjalankan tanggungjawab secara berdikari kerana kami perlu menjana dana pembiayaan sendiri untuk melaksanakan pembangunan kediaman. Selain itu, kami juga mementingkan pencarian lokasi tapak tanah yang bersesuaian dengan keperluan penduduk dan bersifat komersil, sepertimana yang dilakukan oleh pemaju-pemaju swasta.”

- YBhg Datuk Ahmad Azizi Ali
Ketua Pegawai Eksekutif SPNB Aspirasi Sdn Bhd

barisan pengarah termasuklah YBhg Datuk Aminuddin Md Hanafiah, YBhg Dato' Dr Mohd Padzil Hashim dan Encik Maszirul Arlinza Awalludin serta Ketua Pegawai Eksekutifnya YBhg Datuk Ahmad Azizi Ali.

Antara lain, objektif penubuhan SPNB Aspirasi adalah untuk meneroka pasaran hartanah di seluruh Malaysia, khususnya untuk tujuan pembangunan kediaman bagi rakyat Malaysia sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mencapai satu juta unit rumah, menjelang lima tahun akan datang.

“SPNB Aspirasi bukan sahaja memberi fokus kepada pembangunan kediaman mampu milik, malah peranan kami lebih kepada menyediakan kediaman yang terbaik, setaraf dengan kualiti rumah komersil seperti yang berada di pasaran, tetapi masih mampu dimiliki dan



harga yang berpatutan,” kata YBhg Datuk Ahmad Azizi Hj Ali, Ketua Pegawai Eksekutif SPNB Aspirasi. Disebabkan itulah, harga kediaman yang dibangunkan SPNB ASPIRASI bermula dari RM35 ribu (untuk projek Rumah Mampu Milik Kos Rendah) sehingga suatu harga yang mampu dimiliki di kawasan-kawasan setempat.

Cabaran utama SPNB Aspirasi adalah pembiayaan projek-projek yang akan dilaksanakan. SPNB Aspirasi perlu bertindak secara berdikari, sebagaimana pihak pemaju swasta yang lain, dan memperoleh dana sendiri. Oleh yang demikian, adalah penting bagi ASPIRASI untuk menjana keuntungan supaya dapat meneruskan pembangunan kediaman berkualiti demi rakyat, setaraf dengan kediaman-kediaman lain yang biasa didapati di pasaran.

Perubahan paradigma dalam kalangan warga ASPIRASI dari segi pelaksanaan kerja perlu dipertingkatkan bagi mencapai hasrat ASPIRASI dan SPNB secara keseluruhannya.

Muka surat sebelum: Dengan peningkatan kos hidup pada masa kini, pembinaan rumah mampu milik oleh SPNB seperti di Taman Lahat Indah Fasa 1, Hulu Kinta, Perak ini membolehkan lebih ramai rakyat mampu memiliki rumah sendiri.

Kiri: Melalui peramalan dan kaedah yang terkini, SPNB berupaya mereka kediaman yang mampu dimiliki serta berkualiti kukuh, seperti di Taman Sutera Wangi, Batu Berendam, Melaka – yang telah diserahkan dengan lancar, pada 10 Mac 2013.



WACANA SEHARIAN PENETAHALATUJU 2014 SPNB

DEWAN PERDANA FELDA 6 JANUARI 2014



SETIA SEHALUAN SEPAKAT SEPASUKAN

Paparan utama edisi sulung **SPNB 360°** pada tahun ini memfokuskan kepada perhimpunan kakitangan di Dewan Perdana FELDA pada 6 Januari 2014, penstrukturan semula syarikat serta penubuhan subsidiari-subsidiari. YBhg Dato' Dr Sr Kamarul Rashdan Salleh, Presiden/Pengarah Urusan SPNB berbicara mengenai penjenamaan semula SPNB yang mencetuskan rombakan dari segi penstrukturan serta penubuhan beberapa subsidiari.



Pada 6 Januari yang lepas, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah mengadakan Wacana Sehari Hala Tuju SPNB di Dewan Perdana FELDA. Perhimpunan kakitangan ini merupakan sesi perjumpaan pertama bagi semua warga kerja SPNB di seluruh Malaysia bagi tahun 2014.

“Tujuan perhimpunan kakitangan ini adalah supaya pihak Lembaga Pengarah dapat menerangkan hala tuju syarikat kepada semua kakitangan agar mereka semua jelas akan visi dan misi syarikat. Selain itu, perhimpunan ini juga dijadikan sebagai landasan untuk berhubung secara langsung dengan pihak kakitangan,” kata YBhg Dato’ Dr Sr Kamarul Rashdan Salleh.

Kiri: Pengerusi SPNB, YB Datuk Dr Hj Abd Latiff Ahmad (paling kiri) sedang berucap di Wacana Sehari Hala Tuju SPNB; bersama-sama beliau Presiden/Pengarah Urusan SPNB, YBhg Dato’ Dr Sr Kamarul Rashdan Salleh (duduk kedua dari kanan) dan tetamu-tetamu kehormat yang lain.

Bawah: Kakitangan SPNB di seluruh Malaysia menghadiri perhimpunan kakitangan pertama bagi tahun 2014 yang merupakan suatu forum yang sesuai bagi pihak Lembaga Pengarah berhubung dan berkomunikasi secara terus dengan kakitangan.



Perhimpunan kakitangan dapat mengeratkan lagi silaturahim antara kakitangan dan juga memberi peluang kepada mereka untuk saling mengenali memandangkan ia melibatkan kakitangan dari ibu pejabat di Kuala Lumpur serta 21 cawangan pejabat SPNB yang lain.

Perubahan Signifikan

Secara khususnya, Wacana Sehari Hala Tuju SPNB telah memberi peluang kepada pengurusan SPNB untuk menerangkan tentang misi dan visi transformasi perniagaan dan penstrukturan semula syarikat berdasarkan hasil perbincangan dengan YB Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, Menteri Kewangan II pada 31 Disember 2013 yang lalu.

Ini melibatkan tindakan mempelbagaikan aktiviti perniagaan dan memperkukuhkan produk-produk SPNB yang sedia ada dan telah diwarisi turun-temurun sejak awal penubuhan. Di samping itu, kakitangan turut

mendengar bagaimana penstrukturan semula boleh menambah nilai kepada syarikat.

Pengukuhan produk-produk SPNB yang sedia ada melibatkan tiga produk utama, iaitu Rumah Mesra Rakyat (RMR), Rumah Idaman Rakyat (RIR) dan Rumah Aspirasi Rakyat (RAR). Setiap produk ini mempunyai kelebihan masing-masing dan mempunyai skop tanggungjawab yang berbeza mengikut sasaran pasaran, jenis perumahan dan faktor harga.

Penubuhan Anak-Anak Syarikat

Setiap anak syarikat akan diamanahkan sebagai agensi pelaksana produk SPNB. "Produk Rumah Idaman Rakyat diuruskan oleh SPNB IDAMAN, Produk Rumah Mesra Rakyat diuruskan oleh SPNB MESRA dan Produk Rumah Aspirasi Rakyat diuruskan oleh SPNB ASPIRASI. Di sini, kita boleh lihat setiap satu produk walaupun dipertanggungjawabkan kepada SPNB tapi kita amanahkan pada anak syarikat," kata YBhg Dato' Dr Sr Kamarul Rashdan Salleh.

"Anak-anak syarikat ini diminta melaksanakan dan memaksimumkan prestasi produk mereka dan

Bawah: Seluruh warga kerja SPNB hadir bagi bersama-sama mendengar penerangan dan mendapatkan maklumat yang menyeluruh mengenai syarikat, di samping beramah-mesra dan saling mengenali dalam kalangan mereka yang bekerja di cawangan-cawangan yang berlainan.



“Penjenamaan semula SPNB ini akan mempunyai impak kepada pencapaian syarikat. Selain mengambil kira faktor harga, SPNB juga memberi penekanan kepada memastikan produk perumahan menepati citarasa pelanggan.”

- YBhg Dato' Dr Sr Kamarul Rashdan Salleh
Presiden/Pengarah Urusan SPNB



memastikan ianya mencapai sasaran yang ditetapkan kerajaan dan membawa nilai tambah serta pulangan yang lebih baik,” ujarnya lagi.

Menjana Produktiviti

Dengan setiap anak syarikat melaksanakan produk-produk SPNB ini, diharapkan anak-anak syarikat dapat memantapkan proses dan menjadikan segala operasi

lebih terkawal dan teratur demi peningkatan produktiviti. Di samping itu, beliau juga menyentuh dua aspek budaya kerja yang perlu diberi perhatian oleh para kakitangan, iaitu Setia Sehaluan dan Sepakat Sepasukan. Beliau percaya bahawa dengan penerapan dua nilai ini, semua warga kerja SPNB akan bersatu, bersetia dan berkhidmat kerana rakyat.

Sekalipun anak-anak syarikat adalah berdikari dan bersifat sendiri, tetapi agendanya berkait rapat dengan SPNB dan hala tuju kerajaan. Seajar dengan sasaran kerajaan untuk menyediakan satu juta unit kediaman menjelang lima tahun akan datang, SPNB telah menetapkan indeks prestasi sendiri iaitu untuk membangunkan 350,000 unit rumah di kawasan-kawasan strategik dan terpilih di seluruh negara.

YBhg Dato' Dr Sr Kamarul Rashdan menegaskan bahawa sasaran ini amat penting. Beliau berharap dengan transformasi perniagaan dan penstrukturan semula, produktiviti akan meningkat dan projek-projek SPNB berjaya dilaksanakan sepenuhnya agar SPNB menjadi salah satu pemaju yang menyumbang kepada usaha untuk mencapai sasaran kerajaan di bawah Rancangan Malaysia ke-10 ini kerana rakyat.



IMPIAN TERCAPAI

Dalam ruangan ini, **SPNB 360°** mengetengahkan testimoni dari seorang pemilik rumah di bawah skim SPNB. Bagi isu kali ini, ikuti temubual SPNB 360° bersama Encik Abdul Hakim Udin, dari Kg Sri Kundang, Rawang, Selangor.

Encik Abdul Hakim Udin yang bekerja sebagai seorang pemandu teksi, ialah salah seorang pemohon Skim Rumah Mesra Rakyat di bawah SPNB yang kini telah pun menduduki rumah baharu beliau, bersama isterinya yang merupakan seorang suri rumah dan dua daripada lima orang anaknya. Di bawah program ini, antara kelayakan penting ialah memiliki tanah sendiri termasuk geran di samping pendapatan tidak lebih dari RM3,000.

Tatkala mendengar tentang skim ini dari rakan-rakan, beliau terus mencari maklumat tentangnya dan mendapatkan khidmat nasihat dari pejabat SPNB sendiri. “Terdapat banyak kebocoran pada rumah lama kami dan banyak yang perlu diperbaiki lantas menyebabkan ia menjadi kurang selesa untuk diduduki. Rumah lama kami juga seakan-akan sebuah pondok dan agak sempit,

sesungguhnya saya menginginkan rumah yang lebih baik untuk keluarga,” jelas En Abdul Hakim Udin. Mula memohon pada akhir tahun 2012, beliau akhirnya menerima surat rasmi dari SPNB berkenaan kejayaan permohonan beliau setahun kemudian.

“Kami sekeluarga sememangnya tidak sangka permohonan kami diterima. Sesungguhnya terdapat ramai pemohon pada ketika itu, kalau tidak silap saya, terdapat lebih kurang 22,000 orang,” kata Encik Abdul Hakim Udin. Sebaik sahaja jawapan rasmi dari SPNB diterima, mereka perlu menguruskan beberapa dokumen-dokumen guaman sebelum kedatangan Pegawai SPNB yang bertanggungjawab memeriksa keadaan tanah serta memberi khidmat nasihat yang sewajarnya.

Pembinaan rumah baharu beliau bermula pada bulan November 2013 dan berjaya disiapkan lebih kurang tiga bulan kemudian, iaitu pada Februari baru-baru ini. “Alhamdulillah, kontraktor SPNB sangat cekap dan berkomited. Sepanjang kerja-kerja pembinaan, para pekerja sentiasa ada untuk meneruskan kerja pada setiap hari termasuk hujung minggu dan mereka juga sangat berkemahiran. Pegawai SPNB juga sering datang untuk memantau keadaan di sini,” tambah Encik Abdul Hakim Udin lagi.

Rumah baharu Encik Abdul Hakim Udin, di bawah Skim Rumah Mesra Rakyat yang tersergam indah di Kg Sri Kundang, Rawang.





Atas: Kegembiraan jelas terpancar pada wajah Encik Abdul Hakim Udin dan isteri, Puan Sarimah serta anak-anaknya (dari kiri) Ummi Kalsum dan Nur Syahirah melihatkan rumah baharu mereka yang sangat memuaskan dari segala aspek. Mereka sangat menghargai usaha SPNB bagi memastikan rakyat Malaysia berpeluang untuk memiliki kediaman berkualiti yang mampan serta mampu milik.

Kanan: Rumah yang didiami oleh Encik Abdul Hakim Udin sekeluarga sebelum menduduki rumah baharu mereka. Kini, mereka boleh menikmati keselesaan hidup yang lebih baik di bawah Skim Rumah Mesra Rakyat SPNB.



“ Alhamdulillah, kami berasa sangat bersyukur dan berpuas hati dengan rumah baharu kami. Sangat cantik, luas dan selesa. Kami memang sangat gembira, terutama sekali apabila tahun ini ialah tahun pertama kami dapat beraya di rumah baharu kami. ”

- Encik Abdul Hakim Udin

Rumah baharu beliau bukan sahaja dilengkapi tiga bilik tidur dan dua bilik mandi yang luas dan selesa, tetapi juga mempunyai reka bentuk yang cantik dan tampak menarik. Selain itu, kos sebenar rumah beliau ialah RM65,000 namun melalui skim ini, maka beliau hanya perlu membayar RM45,000 dengan bayaran bulanan sebanyak RM150.

SOROTAN USAHASAMA SPNB-LTAT



Bagi mengetahui serba sedikit tentang peranan kakitangan dalam SPNB, **SPNB 360°** menemubual Encik Irwan Sharifuddin, Pengurus Kanan Syarikat Usahasama SPNB – LTAT (USL).

Selaras dengan dasar perumahan di bawah Rancangan Malaysia ke-9, kerajaan telah menggariskan matlamat untuk menyediakan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu dimiliki bagi meningkatkan kemampanan kehidupan rakyat. Sehubungan dengan itu, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah dilantik untuk melaksanakan Program Perumahan Mampu Milik, Program Perumahan Mesra Rakyat dan projek perumahan anggota tentera sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan pada masa itu.

Walau bagaimanapun, projek perumahan anggota tentera ini telah dilaksanakan secara usahasama antara dua syarikat iaitu SPNB dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) iaitu Usahasama SPNB-LTAT Sdn Bhd (USL), melalui satu perjanjian usahasama, pada 1 Mac 2001.

Projek perumahan anggota tentera ini adalah merupakan program terbesar Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan bernilai RM 1.4 billion ini merangkumi pembinaan unit-unit banglo, rumah berkembar dan pangsapuri.



Dari kiri: Pangsapuri Kelas C di Kem Sg Besi, Banglo Kelas B2 di Pangkalan Udara Subang dan Pangsapuri Kelas C di Kem Kementah. Ketiga-ketiga perumahan ini merupakan kuarters kerajaan yang didiami oleh para kakitangan dan anggota tentera.



“USL telah dilantik oleh Kementerian Pertahanan sebagai kontraktor reka dan bina, agar golongan tentera serta kakitangan awam boleh menikmati kediaman yang lebih selesa, berkualiti dan mampu milik.”

- Encik Irwan Sharifuddin

Pengurus Kanan Syarikat Usahasama SPNB-LTAT (USL) Sdn Bhd

“Secara amnya, USL berperanan sebagai pelaksana untuk mereka bentuk, membina dan menyiapkan Program Kuarters Kerajaan, khusus untuk angkatan tentera dan kakitangan awam,” kata Encik Irwan Sharifuddin. Skop kerja yang terlibat bermula dari peringkat perancangan projek sehinggalah penyerahan tapak kepada pihak Kementerian Pertahanan Malaysia.

Setakat ini, sebanyak 6550 unit, membabitkan 10 buah tapak di Lembah Klang, telah disiapkan dan diserahkan kepada Kementerian Pertahanan Malaysia. Antaranya adalah Pangkalan Udara Tentera Udara Malaysia (TUDM) Subang, Kem Sg Besi, Kem Kementah 1, 2 dan 3 di Jalan Padang Tembak, Kem Pasifik di Jalan Ampang, Kem Wardieburn di Setapak, Jalan Uthant 1 dan 2 serta Pangkalan Udara Kuala Lumpur (PUKL). Menurut Encik Irwan Sharifuddin lagi, projek ini memberi makna yang besar kepada ATM kerana ia merupakan suntikan modal yang besar oleh kerajaan untuk merangsang ekonomi negara serta dapat mengurangkan beban sewaan oleh golongan tentera memandangkan kos sara hidup, di Lembah Klang terutamanya, sangat tinggi. Di samping itu, kualiti kehidupan golongan angkatan tentera dapat dinaik taraf. Sesungguhnya, mereka dapat menikmati kediaman yang lebih selesa berbanding pada era 70-an dan 80-an, di mana tiada penempatan khas disediakan.

Berbicara soal rintangan atau cabaran yang dihadapi, beliau menyifatkan projek ini berbeza daripada projek-projek pembangunan yang lain, khususnya dari segi

aspek keselamatan yang tidak boleh dipandang ringan. Terdapat beberapa perkara yang perlu dirahsiakan daripada pihak luar, terutamanya projek di dalam kem, kerana ini melibatkan isu keselamatan negara. Semua maklumat adalah sulit dan persendirian.

Selain itu, peraturan-peraturan yang ketat di dalam kem juga antara cabaran yang dihadapi. Peraturan-peraturan ini melibatkan waktu bekerja yang terhad berbanding projek pembangunan yang lain yang mana waktu bekerja boleh dilakukan lebih masa termasuklah pada waktu malam dan sebagainya. Senarai nama kakitangan USL dan juga pekerja di tapak perlu disaring dan latar belakang mereka disiasat oleh Bahagian Risikan Kementerian Pertahanan.

Encik Irwan Sharifuddin, yang telah lama berkhidmat bersama SPNB menyatakan bahawa Usahasama SPNB-LTAT Sdn Bhd, sememangnya telah membantu merapatkan jurang perbezaan kualiti hidup antara masa kini dan masa lalu, serta mencapai objektif penubuhannya setakat ini. Malah pihak mereka berharap agar dapat memperolehi peluang-peluang baru untuk bekerjasama dengan pihak-pihak lain yang berpotensi, seperti Kementerian Dalam Negeri di masa hadapan.



Pada 31 Ogos tahun ini, genaplah 57 tahun Malaysia mengecapi kemerdekaan dan seluruh negara akan menyambut hari yang cukup bermakna ini. Bertemakan *Malaysia... Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta*, Hari Kemerdekaan Ke-57 meraikan perasaan cinta kepada negara dan saling sayang-menyayangi antara rakyat yang berbilang keturunan dan latar belakang. Perjalanan Malaysia sepanjang ini pahit manis dan berpencaroba tetapi penuh dengan detik-detik kejayaan. Namun, sepertimana kami di Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), perjalanan ini telah ditempuhi dan akan terus diharungi bersama-sama. Dengan itu, seluruh warga SPNB mengucapkan...

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN KE-57

Cawangan Perlis

10, Tingkat Atas,
Jalan Dua, Medan Sri Pulai,
01000, Kangar, Perlis
Tel: 04 - 9768570/04 - 9768401/
019 - 5548989
Faks : 04 - 9768515
Emel : spnb_kangar@spnb.com.my

Cawangan Kedah

28 & 29, Jalan UJ 2
Taman Universiti Jaya, Semeling,
08100, Bidong, Kedah
Tel: 04 - 4500375/04 - 4500376/
012 - 3185331
Faks : 04 - 4500379
Emel : spnb_semeling@spnb.com.my

Cawangan Perak Selatan

4 & 4A, Kedai Taman Perumahan
Slim Permai, 38500 Slim River, Perak
Tel: 05 - 4520459/05 - 4520487
Faks : 05 - 4520534
Emel : spnb_slimriver@spnb.com.my

Cawangan Pahang

Tingkat 1, Lot 185 & 186,
Wisma Delima, Seksyen 19,
Jalan Haji Abdul Aziz,
25000 Kuantan, Pahang.
Tel: 09 - 515 1199
Faks : 09 - 517 8200
Emel : spnb_kuantan@spnb.com.my

Cawangan Melaka

76 & 78 Jalan LP2, Taman Limbongan
Permai, 75200 Melaka
Tel: 06 - 3369751/06 - 3369752
Faks : 06 - 3369753
Emel : spnb_melaka@spnb.com.my

Cawangan Johor Timur

Lot 6 & 7, Tingkat 13, Menara Tabung
Haji, Jalan Ayer Molek,
80000 Johor Bahru, Johor.
Tel: 07 - 2259900
Faks: 07 - 2223233
Emel : spnb_plentong@spnb.com.my

Cawangan Terengganu Utara

K-5, Ruang Niaga Semarak Felda,
Kompleks Felda Wilayah Terengganu,
Mukim Kuala Nerus, 21060 Kuala
Terengganu, Terengganu
Tel: 09 - 6660010/
09 - 6660054/019 - 2120010
Faks: 09 - 6627312
Emel : spnb_kualaterengganu@spnb.com.my

Cawangan Kelantan Utara

PT2240, Taman Merbau Utama,
Batu Tinggi Bukit Merbau,
16810, Pasir Puteh, Kelantan
Tel: 09 - 7886546/
09 - 7887545/013 - 9844232
Faks: 09 - 7885545
Emel : spnb_koklanas@spnb.com.my

Cawangan Sarawak Tengah

47, Tingkat 2,
Lorong Ling Kai Cheng 12A,
96000 Sibul, Sarawak
Emel : spnb_sibu@spnb.com.my

Cawangan Sabah Utara

Lot S01, S02 & S03, Vista Seri Melalin,
Jalan Kompleks JKR Tuaran, 89208
Tuaran, Sabah
Tel: 088 - 791610/
088 - 791612/019 - 8113610
Faks: 088 - 791613
Emel : spnb_melalin@spnb.com.my

Cawangan Sabah Barat

Lot 3, Blok A, Shermadef Commercial
Centre, Jalan Ranca-Ranca,
Kg. Patau-Patau,
87008 W.P. Labuan
Tel: 087 - 408191/
087 - 408192/013 - 8808194
Faks: 087 - 408193
Emel : spnb_labuan@spnb.com.my

Cawangan P.Pinang

Tingkat 5, Wisma UMNO,
Lorong Bagan Luar 2, 12000 Butterworth,
Pulau Pinang
Tel: 04 - 332 2545/3545
Emel : spnb_penang@spnb.com.my

Cawangan Perak Utara

9 & 9A, Jalan Meru Bestari A6,
Medan Meru Bestari, Bandar Meru Raya,
30200 Ipoh, Perak
Tel: 05 - 5264188/
05 - 5263876/019 - 5528900
Faks: 05 - 5264319
Emel : spnb_ipoh@spnb.com.my

Cawangan Selangor

Lot B-1 - 15 & 16,
Jalan Tasik Biru 17, Pengkalan Kundang,
48050 Rawang, Selangor
Tel: 03 - 60342041/
03 - 60342357/019 - 2816568
Faks: 03 - 60344395
Emel : spnb_lagunabiru@spnb.com.my

Cawangan Negeri Sembilan

Lot 3518 & Lot 3519, Lorong Lukut Makmur
1, Taman Lukut Makmur,
71010 Port Dickson, Negeri Sembilan
Tel: 06 - 6516681/
06 - 6516682/016 - 2931047
Faks: 06 - 6516687
Emel : spnb_lukut@spnb.com.my

Cawangan Johor Barat

28, Jalan Tiara 2, Taman Tiara Perdana,
86200 Simpang Renggam, Kluang, Johor
Tel: 07 - 7559091/
07 - 7559094/013 - 7699094
Faks: 07 - 7559096
Emel : spnb_simpangrenggam@spnb.com.my

Cawangan Terengganu Selatan

Tingkat 1, Wisma Peladang Dungun, Jalan
Paka, Dungun, 23000 Terengganu
Tel: 09 - 8443292/
09 - 8443293/019 - 4779232
Faks: 09 - 8443291
Emel : spnb_dungun@spnb.com.my

Cawangan Kelantan Selatan

PT1196, Taman Perisai Wira,
Lebuhraya Kuala Krai-Gua Musang
18000 Kuala Krai, Kelantan
Tel: 09 - 9606530/
09 - 9606531/017 - 9810530
Faks: 09 - 9600639
Emel : spnb_kualakrai@spnb.com.my

Cawangan Sarawak Selatan

Tingkat 19, Unit 19-01 & 19-02
Gateway Kuching, 93100 Kuching,
Sarawak
Tel: 082 - 230032/013 - 8040032
Faks: 082 - 230055
Emel : spnb_kuching@spnb.com.my

Cawangan Sarawak Utara

Lot 5578, Blok 11, Bandar Baru
Permyjaya, 98100 Miri, Sarawak
Tel: 013 - 8650085
Emel : spnb_miri@spnb.com.my

Cawangan Sabah Timur

Lot 8 & 9, Tingkat 1, Bandar Utama
Zone 3 Commercial Batu 6,
Jalan Utara, 90702 Sandakan, Sabah
Tel: 089 - 232216/
089 - 232217/019 - 5393797
Faks: 089 - 232218
Emel : spnb_sandakan@spnb.com.my

Cawangan Sabah

Suite 7.07B/7.07C, Tingkat 7, Menara
MAA, 88000 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088 - 455 283
Faks: 088 - 259 742
Emel : spnb_sabah@spnb.com.my

Cawangan Sarawak

Tingkat 19, Unit #19-02, Gateway
Kuching, 9, Jalan Bukit Mata,
93100 Kuching, Sarawak
Tel: 082 - 230 032
Faks: 082 - 230 055
Emel : spnb_sarawak@spnb.com.my

Cawangan Johor

Lot 6 & 7, Tingkat 13, Menara Tabung
Haji, Jalan Ayer Molek, 80000 Johor
Bahru, Johor
Tel: 07 - 225 9900
Faks: 07 - 222 3233
Emel : spnb_johor@spnb.com.my

Cawangan Kelantan

Tingkat Bawah, Lot 264, Wisma Nik
Kob, Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09 - 748 0458/0459
Faks: 09 - 748 0545

